Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN

PROGRAM KESEDARAN DAN PROGRAM BERFOKUS ASEAN KOMUNITI KPM

LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan Kementerian Luar Negeri (MKN) untuk mengadakan Program Seranta ASEAN bagi tahun 2014 dan 2015.

2. Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) Bil. 9/2014 pada 20 Jun 2014, YBhg. Tan Sri Dr. KSU telah memberi penekanan kepentingan persediaan awal bagi menghadapi mesyuarat ASEAN pada tahun 2015 bermula dari peringkat sekolah hingga IPT.

3. Mesyuarat Program Fokus Utama ASEAN Komuniti KPM, Bil. 2 pada 16 Julai, YBhg Dato' TKPPM(O) menegaskan pelaksanaan program kesedaran, publisiti dan promosi ASEAN Komuniti di peringkat sekolah, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Matrikulasi.

KONSEP

4. Berkonsepkan memberi kesedaran, publisiti dan promosi berkaitan ASEAN Komuniti.

OBJEKTIF

5. Melaksana program kesedaran, publisiti dan promosi berkaitan ASEAN Komuniti di peringkat sekolah, IPG dan Matrikulasi.

6. Melaksana program berfokus melibatkan negara ASEAN peringkat KPM.

7. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid berkaitan ASEAN Komuniti.

FOKUS PROGRAM

8. KPM, JPN, PPD dan sekolah memberi fokus program seranta ASEAN melalui program;

8.1 **Program kesedaran ASEAN** – iaitu program meningkatkan kesedaran, publisiti dan promosi berkaitan ASEAN Komuniti pada tahun 2014.

8.2 **Program fokus utama KPM** – iaitu program fokus utama melibatkan negara-negara ASEAN pada tahun 2015.

Aktiviti : Program Kesedaran ASEAN

STRATEGI	FOKUS	AKTIVITI
Program Kesedaran ASEAN 2014	**Promosi Kesedaran ASEAN**	1. Seminar ASEAN komuniti Peringkat KPM 2. Promosi Kesedaran ASEAN peringkat JPN dan PPD 3. Promosi kesedaran ASEAN peringkat sekolah
	Sebaran Maklumat	1. Pengedaran Poster/ bahan cetak berkaitan ASEAN Komuniti ke sekolah. 2. Publisiti media/tv.

	Mengamalkan Kesedaran ASEAN	1. Program 5 minit ASEAN Komuniti dalam perhimpunan 2. Sudut/ Laluan ASEAN Komuniti 3. ASEAN komuniti dalam PdP 4. Seminar dan karnival
	Pertandingan ASEAN Komuniti	1. Pertandingan mengarang ASEAN Komuniti dalam mata pelajaran bahasa (BM, BI, BC dan BT) 2. Pertandingan multimedia/video/power point 3. Pertandingan sukan

Aktiviti : Program Fokus Utama KPM

STRATEGI	FOKUS	AKTIVITI
Program Utama Peringkat ASEAN 2015	Aktiviti Kokurikulum	1. Gala Kokurikulum ASEAN 2. Karnival Seni
	Aktiviti Pendidikan	1. Karnival Pendidikan ASEAN Komuniti 2. Seminar Vokasional 3. Persidangan Majlis Pengetua dan Majlis Guru Besar
	Kepimpinan Murid	1. Konvensyen Amalan Terbaik Pembimbing Rakan Sebaya dan Kepimpinan Pengawas.